



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/09/87 (HQ)

SISTEM PENGEBILAN BAHARU UNTUK PENGALAMAN SERBA MUDAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menaiktaraf sistem pengebilan untuk kesemua 8.5 juta pelanggannya di seluruh Semenanjung Malaysia pada 21 Julai 2016.

Peningkatan keupayaan sistem ini membolehkan perkhidmatan sedia ada dirombak bagi membolehkan lebih banyak perkhidmatan perhubungan pelanggan dalam talian ditawarkan menerusi portal layan diri baharu, myTNB.

Portal ini akan merubah wajah perkhidmatan utiliti negara dengan menawarkan akses lebih baik untuk pelanggan menguruskan akaun dan memantau penggunaan elektrik mereka selain memberikan capaian lebih mudah untuk sebarang maklumat berkaitan tenaga elektrik.

Peningkatan sistem pengebilan baharu ini mungkin menyebabkan kesulitan kepada sebilangan pelanggan dan ianya amat dikesali.

Diharap mereka yang terlibat faham bahawa cabaran- cabaran awal pasti berlaku apabila sesuatu sistem dipertingkatkan secara besar-besaran.

Lebih penting lagi sistem pengebilan baharu ini akan membolehkan pengalaman lebih mudah dan lebih selamat apabila berurusan secara dalam talian dengan TNB.

TNB sedang mengambil beberapa langkah wajar demi mengurangi cabaran sedia ada dan menyasarkan untuk menyelesaikannya di penghujung November 2016.

Untuk maklumat lanjut, sila:

- Layari laman <https://www.tnb.com.my/mytnb-bills>; atau
- E-mel di billing@tnb.com.my; atau
- Hubungi talian bebas tol TNB Careline di 1300 88 5454.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 September 2016

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*